

Kumpulan Al-Ma'unah tembak kuil dan kilang Carlsberg

PM dedah serangan

UM 20 JUL 2000

KUALA LUMPUR 19 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan terdapat tiga hingga lima ahli kumpulan Al-Ma'unah melepaskan beberapa das tembakan menggunakan senjata api automatik, M-203 di Lembah Klang bagi menghuru-harakan negara ini.

Katanya, maklumat daripada laporan awal itu menunjukkan kumpulan tersebut menembak sebuah kuil dan kilang membuat arak, Carlsberg.

Bagaimanapun jelasnya, tidak ada apa-apa yang berlaku kerana ahli-ahli kumpulan itu tidak tahu menggunakan senjata tersebut.

"Mereka tidak tahu menggunakan senjata itu dengan berkesan, jadi tidak ada apa-apa berlaku," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam wawancara khas mengenai isu Al-Ma'unah yang disiarkan menerusi kesemua rangkaian televisyen di negara ini, malam ini.

- Usaha pembangkang bersihkan jenayah Al-Ma'unah
- Rompakan senjata bukan permulaan pemberontakan — Muka 2
- Empat lagi ahli Al-Ma'unah ditahan ISA
- Jaafar dakwa orang mencurigakan di kawasan rumah — Muka 3

Sesi wawancara itu dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya, Datuk Dr. Firdaus Abdullah.

Anggota panelnya pula terdiri daripada Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Khalid Mohd dan Pengurus Besar Kanan Berita dan Ehwal Semasa TV3, Chamil Wariya.

Dr. Mahathir menambah, berdasarkan maklumat yang diterima, kumpulan tersebut telah membawa satu senjata iaitu M16 rocket launcher untuk mencetuskan huru-hara dengan menembak sesuatu tempat yang akan menimbulkan keraguan bahawa negara ini tidak selamat.

"Mereka sebenarnya membawa M16 ini keluar.

"Ada juga laporan bahawa mereka menembak sebuah kuil, mereka menembak kilang Carlsberg," kata beliau.

Perdana Menteri memberitahu, kerajaan mengaku tidak melaporkan perkara ini kepada rakyat sehingga sesi wawancara ini kerana ia tidak mahu rakyat merasa gelisah sedangkan kerajaan masih mampu menanganinya.

Katanya, polis telah pun memberkas ahli kumpulan itu yang melepaskan tembakan tersebut dan polis juga merampas semula

■ Lihat muka 4

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

UM 20 JUL 2000

PM dedah serangan di KL

senjata automatik tersebut, di Sungai Petani, Kedah.

Yang terlepas itu sudah ditangkap semuanya dan senjata itu pun sudah dapat balik.

"Polis dengan cepat mengenal pasti siapa yang terlibat dan dapat menentukan di mana senjata itu disembunyikan.

"Sebenarnya senjata itu ada di Sungai Petani," jelas beliau.

Sementara itu menurut sumber, kumpulan tiga hingga lima lelaki itu telah menjadikan tiga tempat di kawasan Selangor sebagai sasaran mereka pada 3 dan 4 Julai, lalu.

Tiga kawasan tersebut ialah kuil Hindu di Batu Caves, kilang Carlsberg di Shah Alam dan kilang Guinness Stout di Petaling Jaya.

Sementara itu, pihak pengurusan Guinness enggan mengulas mengenai insiden itu.

Bagaimanapun berdasarkan maklumat orang ramai, mereka mendakwa melihat sepasukan anggota polis dengan anjing pengesan berada di kilang tersebut tidak lama selepas kejadian itu.

Pihak pengurusan kilang Carlsberg juga enggan mengulas perkara tersebut. Dalam pada itu, tinjauan Utusan di kuil Batu Caves hari ini mendapati kesan tembakan telah ditampal simen semula dan sesiapa sahaja tidak akan menyedari kesannya.

Bagaimanapun, beberapa pekerja yang ditemui di situ mendakwa pernah melihat kesan tembakan di dinding tandas di kawasan kuil berkenaan.

Mereka mendakwa, selepas kejadian itu, sepasukan polis dan unit anjing pengesan telah datang menyiasat dan meninjau kesan tembakan tersebut.

Sementara pengawal keselamatannya pula enggan mengesah atau menafikan insiden itu.